

CNS3175

U GB 08-01 00158 BH003

AAB

Mahathir - Lepak

KERAJAAN TIDAK CADANG ADAKAN KERAHAN TENAGA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan kerahan tenaga bagi mengatasi gejala lepak di kalangan muda-mudi di negara ini.

Katanya, bagaimanapun, kerajaan bersetuju perlu adanya badan-badan sukarela untuk memberi latihan seperti berkawad kepada golongan itu bagi membanteras gejala lepak atau kegemaran merayau-rayau tanpa tujuan.

Golongan muda-mudi perlu didedahkan dengan kegiatan ala Sekolah Bina Diri Outwardbound, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang pertama bagi tahun ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Kegiatan-kegiatan ini hendaklah menarik dan dapat memikat serta boleh mendatangkan manfaat kepada mereka," katanya.

Kebelakangan ini, akhbar-akhbar sering menyiarkan berita mengenai saranan pelbagai pihak berhubung perlunya kerahan tenaga diperkenalkan di negara ini sebagai satu langkah untuk membanteras budaya lepak di kalangan belia. -- Lagi

▼08/01/15-43MST

U GB 08-01 00133 BH009

AAB

Mahathir - Lepak 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Semalam, Menteri Belia dan Sukan Haji Abdul Ghani Othman berkata kerajaan akan menggabungkan kepakaran pusat pengajian tinggi tempatan bagi membantu kementerian itu membuat kajian tabiat dan jumlah belia yang sering membuang masa di pusat-pusat membeli-belah.

Beliau telah berkata, kajian jumlah sebenar itu penting untuk membantu kementerian merancang program bagi memastikan golongan terbabit mendapat perhatian sewajarnya.

Katanya, dengan adanya kerjasama daripada pusat-pusat pengajian tinggi itu, kajian mengenai tabiat belia terbabit akan lebih menyeluruh dan tidak tertumpu di Kuala Lumpur sahaja.

Beliau berkata kementerian itu sebelum ini mengadakan kajian membabitkan 280 belia di empat pusat membeli-belah di Kuala Lumpur, termasuk di Pasar Budaya. Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan hasil kajian itu. -- Bernama

SJA NZ AZ.